

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sektor pendidikan memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah negara. Dalam konteks Malaysia, Wawasan 2020 merupakan kerangka panduan yang mendasari agenda pembangunan di Malaysia. Untuk menjayakan Wawasan 2020, kerajaan menetapkan sembilan cabaran yang mesti ditangani sebelum menjadi sebuah negara maju. Cabaran-cabaran tersebut mencakupi aspek ekonomi, politik, sosial, kemasyarakatan, sains dan teknologi, dan keagamaan. Pembangunan sumber manusia merupakan elemen penting dalam usaha mencapai matlamat pembangunan negara. Usaha untuk melahirkan modal insan akan berjaya seandainya matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menjadi kenyataan. Ini kerana asas kepada usaha membangunkan sumber manusia yang disebut sebagai pembangunan modal insan kelas pertama terkandung dalam intipati FPK seperti berikut :

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”.

(Kementerian Pelajaran Malaysia, 1988)

Kandungan kurikulum pendidikan yang dijana daripada FPK menjadikan idea pembangunan modal insan sebagai agenda utama. Ini selaras dengan pandangan Tajul Ariffin dan Mohamed Sani (2007) yang menyatakan bahawa pembangunan manusia yang berlandaskan FPK dapat menyediakan anak bangsa yang mempunyai ketahanan diri yang kukuh, mampu menghadapi cabaran hidup masa kini dan masa hadapan. Tambah mereka lagi, pada masa yang sama mereka dapat mengangkat diri, bangsa dan negara ke mercu kecemerlangan dan kejayaan.

Usaha untuk melahirkan rakyat Malaysia yang mampu memberi sumbangan bermakna kepada pembangunan negara tidak akan berjaya sekiranya komponen pendidikan dan latihan guru tidak diberi tumpuan. Dengan kata lain, bagi memastikan usaha melahirkan murid atau pelajar yang cemerlang, para pendidik atau guru perlu dilatih supaya menjadi seorang guru yang berwibawa dan cemerlang. Kajian-kajian ilmiah menunjukkan ada korelasi yang tinggi antara pencapaian murid dengan peranan yang disumbangkan oleh guru-guru (Norzaini & Mohamed Sani, 2007). Kejayaan atau kegagalan usaha untuk melahirkan guru yang cemerlang pula bergantung kepada rupa bentuk kurikulum latihan perguruan. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menggubal Falsafah Pendidikan Guru (FPG) pada tahun 1982 sebagai satu acuan latihan guru di Malaysia. Berdasarkan hasrat FPG, guru yang hendak dihasilkan ialah guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin.

Model FPG ini menekankan kepentingan tiga aspek asas pendidikan iaitu (1) pengetahuan, (2) kemahiran dan (3) nilai yang disepadukan dan merentasi semua

disiplin mata pelajaran serta bidang program yang dirancangkan (Tajul Ariffin & Mohamed Sani, 2007). Menurut Sufean (2004), pendidikan guru mengutamakan pembentukan guru yang dedikasi, kreatif, sentiasa berusaha dan peka dalam mempertingkatkan kemahiran profesional serta pengetahuan dalam bidang perguruan untuk membolehkan para guru menjadi agen berkesan dalam proses pembangunan insan dan masyarakat secara menyeluruh dan bersepadu. Model Konseptual Latihan Pendidikan Guru dijadikan panduan untuk semua latihan guru dalam pelbagai bidang termasuk Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Rendah (GBKSR).

Melahirkan GBKSR yang mantap amat penting kerana mereka bertanggungjawab untuk melahirkan modal insan bagi menyediakan tenaga sumber kepada pembangunan negara. Ini selaras dengan penegasan KPM (1993) bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling memainkan peranan penting bagi mencapai matlamat FPK dan menyambut cabaran Wawasan 2020 dengan berperanan dalam memperkembangkan sumber manusia secara optimum di peringkat sekolah rendah lagi.

GBKSR memainkan peranan penting dalam membangun potensi pelajar dalam semua aspek. Ini selaras dengan pandangan Stephens (2008) yang menyatakan bahawa murid-murid sekolah bergantung kepada pemimpin pendidikan untuk memandu mereka membina sikap yang positif dan menimba pengetahuan serta kemahiran supaya menjadi seorang warga negara yang produktif. Tambah beliau lagi, kaunselor profesional pada abad ke-21 mempunyai peranan asas utama dalam mencapai matlamat ini.

Perkhidmatan kaunseling dalam sistem persekolahan di Malaysia bermula pada tahun 1960-an. Dari semasa ke semasa perkhidmatan kaunseling turut berkembang dalam sektor lain, contohnya dalam sektor kesihatan pada tahun 1993 (Ab. Aziz, 2004) dan

Polis Di Raja Malaysia (PDRM) 1996 (Ying Hak, 2004). Di sekolah, kepentingan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling boleh dilihat melalui perakuan yang terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) yang menegaskan kepentingan perkhidmatan bimbingan dipertingkatkan lagi di sekolah-sekolah seperti yang dinyatakan dalam perakuan 79 sebagaimana berikut:

“Adalah diperakukan Perkhidmatan Panduan Pelajaran dan Kerjaya di sekolah hendaklah dilaksanakan dengan sepenuhnya. Perkhidmatan ini hendaklah menitikberatkan kegiatan-kegiatan bimbingan dan tidak semata-mata kegiatan panduan semata-mata” (KPM, 1979).

Selama ini fokus perkhidmatan lebih menitikberatkan bimbingan kerjaya dan pelajaran di sekolah-sekolah (Suradi, 1996). Di negara kita, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling merupakan satu elemen penting yang mula diperkenalkan di sekolah-sekolah rendah (Ibrahim, 2002). Untuk tujuan itu semua pengetua dan guru besar sekolah diminta untuk memastikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dan hal ehwal murid dijalankan dengan berkesan. Ini selaras dengan arahan KPM nombor rujukan (BPSH-SPPK) 601/3 Jld 3 (23) bertarikh 17 Disember 2008 yang mengarahkan GBKSR dan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah (GBKSM) menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang meliputi tajuk-tajuk seperti berikut: (1) kemahiran belajar, (2) pendidikan panduan kerjaya, (3) pendidikan psikososial dan kesejahteraan mental, (4) pendidikan kepimpinan murid, (5) pendidikan pencegahan dadah dan rokok dan (6) pendidikan pencegahan HIV dan AIDS. Seterusnya dijelaskan juga program wajib yang dilakukan oleh GBKSR adalah: (1) program kaunseling berfokus, (2) program pembimbing rakan sebaya, (3) program kepimpinan pengawas, (4) program orientasi murid dan (5) kelab bimbingan dan kerjaya. Oleh yang demikian, bagi melahirkan GBKSR yang baik dan berkesan, kemahiran ilmu dan sikap harus dibentuk melalui persediaan yang mantap (Mohd

Mansur & Siti Nordinar, 1996). Ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap yang positif boleh dibina melalui pengalaman menjalani praktikum. Justeru latihan praktikum yang diikuti oleh GBKSR merupakan satu kaedah untuk melahirkan GBKSR yang profesional di peringkat sekolah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Secara amnya, pendidikan guru mengutamakan pembentukan guru yang dedikasi, kreatif, sentiasa berusaha dan peka dalam mempertingkatkan kemahiran profesional serta pengetahuan dalam bidang perguruan untuk membolehkan para guru menjadi agen berkesan dalam proses pembangunan insan dan masyarakat secara menyeluruh dan bersepadu (Sufean, 2004). Model konseptual pendidikan guru inilah yang menjadi panduan dalam melatih semua guru mata pelajaran pra-perkhidmatan di Malaysia termasuk GBKSR. Suradi (2004) menyatakan bahawa untuk menjadikan profesion kaunseling yang berwibawa, boleh dipercayai dan berkesan, profesion ini mestilah dibina di atas asas pengetahuan yang kukuh dan menyakinkan.

Institut Pendidikan Guru (IPG) telah dipertanggungjawabkan untuk melatih semua guru pra-perkhidmatan termasuk GBKSR yang ditempatkan di sekolah-sekolah rendah di seluruh negara. Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) opsyen bimbingan dan kaunseling dirancang sejajar dengan hasrat KPM untuk menghasilkan GBKSR yang berkelayakan untuk membimbing dan membantu perkembangan diri murid secara menyeluruh dan bersepadu.

Kursus ini dijalankan selama dua semester yang merangkumi dua belas kredit interaksi kuliah dan enam kredit latihan praktikum. Kandungan kursus dibahagikan kepada enam

unit iaitu: (1) falsafah bimbingan dan kaunseling satu kredit, (2) teori-teori kaunseling satu kredit, (3) kaunseling individu tiga kredit, (4) kaunseling kelompok tiga kredit, (5) kemahiran bimbingan dua kredit dan (6) pengurusan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dua kredit. Seterusnya guru pelatih menjalani latihan praktikum selama 12 minggu yang bersamaan enam kredit. Matlamat penganjuran KPLI opsyen bimbingan dan kaunseling adalah untuk menghasilkan GBKSR yang dapat memainkan peranan dengan berkesan (KPM, 2004).

Sehingga kini terdapat 28 buah IPG di Malaysia dan sebuah IPG induk dengan jumlah pensyarah seramai 3,346 orang. Manakala pensyarah dalam opsyen bimbingan dan kaunseling adalah seramai 144 orang (BPG, 2010). Setiap pensyarah di IPG dikehendaki melaksanakan lima komponen tugas iaitu; 1) pengajaran atau kuliah, 2) penyelidikan, 3) penilaian pelajar, 4) ko-kurikulum dan 5) pengurusan praktikum.

Dalam melaksanakan pengurusan praktikum semua pensyarah terikat dengan garis panduan praktikum No. Rujukan: KP (BPG) 9561/JLD.71 (18) yang dikeluarkan oleh BPG berkuatkuasa mulai Februari 2005. Garis panduan praktikum menyenaraikan lapan objektif praktikum seperti berikut: (1) membolehkan pelajar menyepadukan teori dengan amali perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, (2) mengaplikasikan pelbagai strategi dan kemahiran kaunseling, (3) mengenal pasti dan menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran, (4) memupuk sikap positif, meningkatkan jati diri serta menghayati dan mengamalkan nilai profesion perguruan, (5) mengembangkan potensi diri sebagai pendidik dan guru bimbingan dan kaunseling melalui pembinaan portfolio dengan mengamalkan refleksi dan penilaian sendiri dalam semua aspek tugas, (6) mengoptimumkan penggunaan sumber teknologi dalam pembestarian proses dalam

perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, (7) menguasai kemahiran pemudahcaraan dan (8) menguasai pelbagai strategi, perancangan dan pelaksanaan aktiviti ko-kurikulum.

Garis panduan praktikum tersebut juga menyenaraikan 18 perkara yang perlu diberi perhatian oleh seseorang pensyarah-penyelia praktikum GBKSR. Perkara-perkara tersebut ialah (1) menerima surat pelantikan sebagai pensyarah-penyelia praktikum daripada pengarah IPG, (2) menghadiri taklimat praktikum, (3) berbincang dengan pelajar tentang urusan praktikum, (4) membuat lawatan ke sekolah, berjumpa dan berbincang dengan pengurus sekolah dan guru pembimbing untuk menjalin hubungan profesional, (5) melapor kemajuan pelajar dari masa ke masa kepada pasukan pengurusan praktikum IPG, (6) menyemak dan membincangkan portfolio praktikum bersama pelajar, (7) menyimpan rekod dan dokumen bimbingan yang kemas kini, (8) memantau kehadiran, prestasi dan disiplin sepanjang tempoh praktikum, (9) memaklumkan dengan segera secara bertulis kes-kes yang memerlukan perhatian dan tindakan pasukan pengurusan praktikum IPG, (10) menyemak buku rekod aktiviti dan mencadangkan penambahbaikan di mana perlu, (11) memberi bimbingan berasaskan unsur-unsur pencerapan klinikal, (12) menyelia secara tersebar sepanjang tempoh praktikum mengikut jadual penyeliaan yang telah ditetapkan, (13) bekerjasama dengan guru pembimbing dan menjalankan mentoring menerusi proses pencerapan klinikal dan penyediaan portfolio praktikum, (14) membimbing pelajar ke arah perkembangan sahsiah yang baik, (15) wajib menyelia bersama-sama dengan guru pembimbing untuk memberi bimbingan kepada pelajar, (16) wajib bersama-sama guru pembimbing untuk membuat rumusan prestasi praktikum pelajar menggunakan borang penilaian, (17) melengkapkan borang penilaian praktikum (PR1/BK) dan menyerahkan satu salinan kepada pelajar dan menyimpan satu salinan dalam folder sendiri; dan (18) melengkapkan dan menyerahkan borang penilaian (PR2/BK) kepada ketua unit praktikum.

Proses penyelia dilakukan oleh pensyarah-penyelia di IPG dan guru pembimbing di tapak praktikum. Seorang guru pembimbing dilantik dalam kalangan guru yang mempunyai asas dalam bidang bimbingan dan kaunseling. Setiap pensyarah dan guru pembimbing dikehendaki membuat penyeliaan sebanyak tiga peringkat penyeliaan dalam tempoh praktikum tersebut.

Untuk menyempurnakan pelaksanaan praktikum, guru pelatih dikehendaki menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sebanyak 10 jam seminggu dan mengajar mata pelajaran minor sebanyak dua jam seminggu. Secara terperinci agihan masa setiap minggu bagi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah seperti berikut: bimbingan/kaunseling individu tiga jam, bimbingan/kaunseling kelompok dua jam dan pelaksanaan aktiviti/program bimbingan dan kaunseling lima jam. Jumlah keseluruhan ialah sebanyak 10 jam seminggu bagi subjek bimbingan dan kaunseling. Manakala dua jam lagi guru pelatih dikehendaki mengajar mata pelajaran minor. Dalam menjalankan tugas penyeliaan, pensyarah-penyelia dikehendaki melaksanakan penyeliaan sebanyak tiga peringkat sepanjang tempoh praktikum.

Setiap pensyarah-penyelia dikehendaki mengisi borang PR1/BK setiap kali selesai menjalankan penyeliaan. Akhirnya pensyarah-penyelia mengisi borang pemarkahan muktamad (PR2/BK) pada penilaian terakhir. Untuk memberi markah muktamad ini pensyarah-penyelia dikehendaki mengadakan penyeliaan bersama dengan guru pembimbing.

Di sesebuah sekolah, salah satu perkhidmatan yang penting kepada semua pelajar adalah perkhidmatan bimbingan dan kaunseling (Fong, 1990). Ini kerana kaunselor sekolah bertanggungjawab mewujudkan dan mengekalkan persekitaran yang sihat dan

sesuai kepada semua murid di sekolah berkenaan (Griffin, 2007). Lantaran itu dikatakan bahawa kaunselor adalah pihak pertama yang bertanggungjawab menghindari tekanan emosi dan akademik yang mungkin dihadapi oleh para pelajar (Henderson, 1994). Hari ini masalah-masalah yang semakin rumit telah menular di sekolah. Masalah-masalah yang berlaku dapat dikategorikan seperti masalah akademik, kerjaya, fizikal, psikososial dan kerohanian (Lean Keow, 2007). Hal ini membuat persekitaran sekolah menjadi semakin berkecamuk. Banyak kaedah diambil untuk membendung masalah yang berlaku dalam kalangan pelajar di sekolah. Sebahagian daripada tindakan untuk mengurangkan masalah ini ialah melalui perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Sehubungan dengan itu, pada tahun 1996, KPM telah memperkenalkan jawatan guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa (GBKSM) di sekolah-sekolah menengah dan rendah seluruh negara. GBKSM dikatakan mempunyai kedudukan tersendiri kerana dari segi organisasinya ia bertanggungjawab sepenuhnya kepada pengetua atau guru besar (Pekeliling KPM, 1996). Mereka tidak diberikan tugas mengajar mata pelajaran akademik sebaliknya dikehendaki memberi tumpuan sepenuhnya kepada aktiviti dan program pembangunan diri pelajar (KPM, 1996). GBKSM merupakan suatu jawatan unik dan tersendiri kerana mereka bekerja untuk memastikan perkembangan diri, memberi perkhidmatan bimbingan dan perkembangan kerjaya kepada pelajar-pelajar yang memerlukannya.

Untuk menjelaskan peranan dan tanggungjawab kaunselor dan guru bimbingan dan kaunseling, KPM telah menyenaraikan enam bidang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Bidang-bidang tersebut ialah (1) akademik, (2) kerjaya, (3) psikososial dan kesejahteraan mental, (4) keibubapaan, (5) pendidikan pencegahan

dadah/inhalan/rokok dan HIV dan (6) motivasi serta kepimpinan. Secara terperinci senarai tugas GBKSR ialah sebanyak 25 tugas (Lampiran A)

Untuk menjayakan pelaksanaan bidang perkhidmatan ini seseorang kaunselor harus bijak dan cekap dalam semua aspek. Persoalannya adakah GBKSR yang dilahirkan oleh IPG cukup berwibawa dan kompeten bagi menjalankan tugas-tugas seperti yang disarankan oleh KPM ?. Masalah utama yang dihadapi oleh seseorang kaunselor dalam latihan adalah kurang cekap dan tidak dapat memberi perhatian dan fokus pada sesi kaunseling yang dijalankan (Benshoff & Paisley, 1996).

Persiapan menjadi kaunselor sekolah yang berkaliber dan profesional bukanlah perkara mudah. Mereka harus memiliki ilmu pengetahuan, kemahiran dan integriti yang tinggi sepanjang perkhidmatan mereka. Untuk memastikan GBKSR memiliki ciri-ciri seperti di atas, mereka perlu melalui satu sistem latihan praktikum yang mantap. Oleh itu seseorang GBKSR harus menjalani latihan praktikum dalam tempoh yang ditetapkan dan diselia oleh kaunselor lain yang lebih berpengalaman dan bersedia menjalankan tugas penyeliaan dengan sebaik mungkin.

1.3 Pernyataan Masalah

Mengikut Garis Panduan Praktikum Latihan Perguruan Pra-perkhidmatan yang dikeluarkan oleh BPG, komponen latihan praktikum adalah komponen wajib yang mesti diikuti dan lulus oleh seseorang bakal guru termasuk GBKSR yang mengikuti latihan perguruan di IPG seluruh negara. Bagi pelatih KPLI (pelatih KPLI merupakan sebahagian daripada bakal guru) mereka dikehendaki mengikuti latihan praktikum

dalam semester kedua. Jangka masanya selama 12 minggu. Dalam tempoh ini mereka ditempatkan di sekolah-sekolah rendah terpilih di sekitar IPG tempat mereka berkursus.

Untuk menjadi seorang guru termasuk GBKSR yang berkesan, pengalaman menjalani tempoh praktikum dianggap sebagai satu komponen penting dalam pendidikan perguruan (Bunting, 1998; Hargreaves & Fullan, 2000). Sehubungan dengan itu, adalah difikirkan perlu aspek penyeliaan praktikum yang berkualiti menjadi agenda utama oleh setiap pensyarah-penyelia praktikum GBKSR. Oleh itu kepentingan penyeliaan kepada GBKSR dalam praktikum tidak boleh dipertikaikan. Ini kerana penyeliaan yang berkualiti di tapak praktikum memberi pengalaman penting dalam membantu kaunselor atau GBKSR membina kompetensi dalam usaha memenuhi keperluan akademik, kerjaya, sosial dan personal pelajar (Stephens, 2008).

Kajian yang dilaksanakan oleh Ruhani (2006) menunjukkan bahawa kaunselor pelatih melalui pengalaman kompleks di lokasi praktikum. Ianya mempunyai perkaitan antara sifat-sifat semula jadi individu, perhubungan dengan orang lain dan budaya sekolah. Oleh itu penyeliaan praktikum yang efektif boleh membantu GBKSR membina perkembangan personal dan profesional seterusnya membantu menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah. Sehubungan dengan itu, bagi menyediakan pelatih yang betul-betul cekap dan mahir untuk menghadapi cabaran di lokasi praktikum, peranan penyelia merupakan faktor yang penting dalam proses penyeliaan kaunseling (Sidek & Wan Marzuki, 2007).

Mengikut Othman (2008), kajian tentang penyeliaan kaunselor dan GBKSR di Malaysia sangat berkurangan. Sehubungan dengan itu, beliau mencadangkan agar beberapa aspek mengenai penyeliaan dibuat kajian. Antara cadangan yang dikemukakan adalah

penyelidikan yang berbentuk penerokaan bagi mendapatkan maklumat tentang ciri, pola, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pendidik kaunselor serta kaunselor pelatih.

Berdasarkan perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa seseorang pensyarah-penyelia praktikum di IPG mempunyai peranan penting dalam melahirkan GBKSR yang berwibawa. Ini selaras dengan komponen praktikum yang merupakan komponen kurikulum penting, wajib diikuti dan lulus dalam sistem latihan GBKSR di IPG. Penyeliaan praktikum berjalan sejak program KPLI GBKSR diperkenalkan oleh BPG iaitu pada tahun 2004. Namun demikian, sorotan literatur menunjukkan bahawa sehingga kini belum ada kajian yang dibuat untuk meneroka proses dan amalan pensyarah-penyelia praktikum GBKSR. Akibatnya wujud kurang keselarasan amalan dalam proses penyeliaan praktikum dalam kalangan pensyarah-penyelia bimbingan dan kaunseling walaupun mereka berada di bawah satu organisasi yang sama iaitu IPG. Hal ini selari dengan dapatan kajian Amla (2001) yang mendapati wujudnya perbezaan dalam pelaksanaan praktikum kaunseling di Malaysia . Menurutny lagi, keadaan ini memberi suatu implikasi tentang betapa pentingnya satu garis panduan yang menentukan tahap minima dalam pelaksanaan latihan kaunseling profesional di Malaysia diwujudkan. Sehubungan dengan itu kajian ini dilaksanakan bagi melihat secara lebih mendalam proses pelaksanaan dan bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR; seterusnya memaparkan matriks ciri-ciri pernyataan penyeliaan praktikum GBKSR yang boleh dijadikan panduan alternatif kepada pensyarah-penyelia menjalankan tugas menyelia praktikum GBKSR.


1.4 Kerangka Teoritikal Kajian

Teori yang menjadi kerangka teoretikal dalam kajian ini ialah Model Penyeliaan Pendekatan Bersistem atau *System Approach To Supervision* (SAS) yang dibangunkan oleh Holloway (1995). Ia berupa suatu model konseptual yang diaplikasi tanpa menggunakan orientasi teori yang khusus. Justeru ia dikatakan sebagai salah satu daripada model peranan sosial dalam penyeliaan kaunseling (Haynes, Corey & Moulton, 2003).

Tujuan model SAS adalah untuk menyediakan suatu kerangka kerja yang berasaskan empirikal, konseptual dan amalan pengetahuan untuk memandu latihan dan pengajaran penyeliaan (Holloway, 1995). Faktor-faktor ini telah dikenal pasti sebagai faktor yang menonjol dalam proses dan produk penyeliaan dan telah digunakan untuk membina suatu model yang dinamik yang boleh membantu melaksanakan penilaian secara sistematik dalam memenuhi keperluan pembelajaran yang diselia dan intervensi pengajaran oleh pensyarah-penyelia. Model ini memberi fokus kepada elemen-elemen yang wujud sepanjang berlakunya proses penyeliaan kaunseling. Seterusnya model ini menekankan komponen-komponen amalan yang terlibat semasa penyelia menjalankan tugas-tugas penyeliaannya.

Intipati kepada model ini ialah elemen perhubungan antara penyelia dengan yang diselia yang melibatkan konsep pemerksaan kepada yang diselia (Holloway, 1995). Holloway menjelaskan terdapat tujuh dimensi penyeliaan yang semuanya saling berhubung dengan konsep atau prinsip asas perhubungan penyeliaan. Dikatakan bahawa hasrat keseluruhan amalan penyeliaan akan membolehkan yang diselia itu mencapai

pengupayaan sikap, kemahiran serta pengetahuan berkesan dalam amalan profesionalnya (Othman, 2008). Rajah 1.1. menunjukkan Model SAS.



Rajah 1.1. Model SAS: Tugas, Fungsi, Perhubungan dan Faktor Konteksual
 Sumber: *Clinical Supervision*. Holloway, 1995

Tujuh dimensi yang menjadi teras kepada model SAS ialah; (1) fungsi penyelia, (2) tugas-tugas penyelia, (3) klien, (4) pelatih, (5) penyelia, (6) institusi dan (7) perhubungan penyeliaan. Kesemua elemen ini menjadi suatu kombinasi yang unik dalam proses penyeliaan. Bahagian berikutnya menghuraikan secara terperinci mengenai model penyeliaan SAS.

Perhubungan Penyeliaan

Perhubungan penyeliaan yang terkandung dalam model SAS melibatkan suatu proses hubungan yang dinamik antara seorang penyelia dengan yang diselia. Perhubungan dua pihak tersebut membolehkan yang diselia mengikuti dan mengalami proses pembelajaran. Dalam konteks perhubungan penyeliaan, terdapat tiga elemen penting yang menentukan kejayaannya iaitu (1) struktur perhubungan interpersonal dimensi kuasa dan penglibatan, (2) fasa-fasa dalam perhubungan yang melibatkan perkembangan perhubungan secara khusus antara penyelia dengan yang diselia dan (3) kontrak perhubungan iaitu pembinaan suatu set jangkaan tentang tugas dan fungsi yang akan terlibat dalam penyeliaan.

Kuasa dan penglibatan adalah suatu konstruk yang banyak membantu dalam memahami bentuk perhubungan penyeliaan. Fasa-fasa dalam perhubungan penyeliaan telah dibahagikan kepada tiga fasa iaitu (1) fasa permulaan, (2) fasa kematangan dan (3) fasa penamatan. Setiap fasa mempunyai ciri-ciri tersendiri. Perkembangan fasa-fasa tersebut adalah seperti pada Jadual 1.1.

Jadual 1.1

Fasa-fasa Dalam Hubungan Penyeliaan

Fasa Permulaan
<ul style="list-style-type: none">• Membentuk kontrak penyeliaan• Sokongan tentang intervensi pengajaran• Membangun kecekapan pembelajaran• Membina perancangan perawatan
Fasa Kematangan
<ul style="list-style-type: none">• Meningkatkan perhubungan individu, pengurangan ikatan peranan penyeliaan• Meningkatkan ikatan sosial dan potensi pengaruh kaunselor pelatih dalam proses kaunselingnya• Membina konseptualisasi kes kaunseling• Meningkatkan keyakinan diri dan kecekapan sendiri dalam kaunseling• Mengkonfransu isu-isu personal yang ada kaitan dengan perkembangan profesional kaunselor
Fasa Penamatan
<ul style="list-style-type: none">• Memahami hubungan di antara teori dengan amalan kaunseling bersabit dengan klien secara khusus• Mengurangkan keperluan arahan daripada penyelia

Sumber: Disesuaikan dari Holloway (1995). *Clinical Supervision: A system Approach*.

Faktor Konteksual Penyeliaan

Konteksual penyeliaan merujuk kepada suatu keadaan yang berkaitan secara empirikal dan praktikal dalam aspek pemilihan tugas dan fungsi di antara penyelia dengan yang diselia dalam membentuk hubungan. Ini termasuk faktor (1) penyelia, (2) pelatih, (3) klien dan (4) institusi.

Faktor Penyelia

Faktor penyelia merupakan faktor penting dalam proses perhubungan penyeliaan kaunseling. Sehubungan dengan itu Holloway (1995) telah menjelaskan terdapat lima faktor yang menyumbang kepada prestasi seseorang penyelia, iaitu: (1) pengalaman profesional penyelia, (2) orientasi teori kaunseling penyelia, (3) aspek kepelbagaian teori, (4) penampilan diri penyelia dan (5) elemen kebudayaan. Pengalaman profesional yang dimiliki oleh seseorang klien berkait dengan pendedahan sendiri, persembahan latihan yang diberikan kepada yang diselia dan pendekatan yang akan digunakan dalam penyeliaan.

Teori peranan sosial telah menjelaskan bahawa tingkah laku dalam penyeliaan adalah berkaitan dengan peranan khusus yang dimainkan oleh penyelia. Peranan yang lazimnya dimainkan oleh seseorang penyelia ialah sebagai guru, kaunselor dan konsultan. Walau bagaimanapun peranan-peranan seperti penilai, pensyarah dan sebagai model adalah peranan yang turut dimainkan oleh penyelia. Orientasi teori yang menjadi pegangan penyelia akan terjelma secara menonjol dalam pengajaran yang relevan dengan kelakuan klien.

Model SAS juga mempertimbangkan nilai-nilai budaya sebagai suatu ciri yang menonjol dalam tindakan dan sikap penyelia. Elemen-elemen budaya yang dimaksudkan adalah jantina, etnik atau bangsa, kepercayaan agama dan nilai-nilai peribadi yang banyak mempengaruhi keputusan moral dan sosial seseorang. Dalam model SAS persefahaman hubungan penyeliaan wujud dari perspektif kuasa dan penglibatan yang merentasi aspek budaya dan jantina yang membentuk suatu interaksi yang kompleks dalam hubungan penyeliaan.

Faktor Pelatih

Pengalaman amalan kaunseling sedia ada dalam kalangan pelatih memainkan peranan dalam hubungan penyeliaan. Ini kerana pengalaman amalan kaunseling yang pernah dilalui oleh pelatih mempengaruhi keperluan penyeliaan dan mempunyai hubungan dengan jangkaan penyelia dalam aspek kehendak dan kecekapan pelatih.

Dalam model SAS, keperluan dan gaya pembelajaran umumnya merujuk kepada sekumpulan faktor perkembangan yang berkaitan dengan pendekatan pelatih terhadap persepsi dan pengalaman penyeliaan (Holloway, 1995). Manakala ciri-ciri kebudayaan pula merangkumi aspek gender, etnik atau bangsa, orientasi seksual, kepercayaan agama dan nilai-nilai personal seseorang individu. Dalam model SAS, nilai-nilai budaya dilihat sebagai sesuatu yang menonjol dalam tindakan pelatih terhadap klien dan penyelia dalam konteks hubungan interpersonal.

Faktor Klien

Model SAS telah mengenal pasti faktor yang berkaitan dengan klien. Faktor tersebut ialah ciri-ciri klien, diagnosis dan perhubungan kaunseling. Model SAS memberi tumpuan kepada faktor klien dalam penyeliaannya. Ciri-ciri dan pembolehubah yang terlibat dan pernah dikaji dalam konteks ciri-ciri klien ialah kelas sosial, jantina, umur, trait personaliti, bangsa dan kumpulan etnik. Penyelia memberi perhatian terhadap elemen-elemen tersebut dalam aktiviti penyeliaan dalam menentukan keberkesanan kaunselor pelatih menjalankan perkhidmatannya.

Semasa mengikuti latihannya, kaunselor pelatih perlu membuat penilaian dan diagnosis untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi kliennya. Ini termasuklah penggunaan DSM-IV yang menjadi rujukan pelatih untuk menganalisis masalah klien. Dalam aspek

penggunaan DSM-IV, pensyarah-penyelia memainkan peranan penting bagi memastikan kompetensi pelatih selaras dengan masalah yang dihadapi klien mereka. Faktor perhubungan dalam suasana penyeliaan kaunseling juga perlu diberi perhatian oleh seseorang penyelia dalam sesi penyeliaanya. Dalam konteks ini penyelia harus prihatin dan melihat kesan tindakan yang diambil oleh pelatih dalam soal perancangan perawatan yang disediakan oleh pelatih mereka. Penyelia harus peka dengan implikasi kaedah dan teknik perawatan yang diambil oleh pelatih terhadap klien pelatihnya itu.

Faktor Institusi

Penyeliaan sebagai suatu program latihan adalah sebahagian daripada proses perkembangan profesional bagi seseorang kaunselor pelatih. Ianya wujud juga dalam organisasi lain seperti hospital, pusat kaunseling di universiti, pusat kaunseling komuniti dan lain-lain pusat perkhidmatan kaunseling sama ada disediakan oleh kerajaan atau pihak lain. Mengikut model SAS, faktor kontekstual memberi fokus kepada aspek klien yang menggunakan perkhidmatan kaunseling, struktur dan iklim organisasi dan pematuhan kepada piawai dan etika profesional kaunseling.

Penawaran perkhidmatan kaunseling di tempat yang berbeza membawa kepada perbezaan dari segi keperluan klien. Oleh itu kemahiran dan kecekapan kaunselor pelatih haruslah selaras dan sesuai dengan perkhidmatan kaunseling yang diperlukan oleh organisasi di tempat mereka menjalani latihan praktikum. Ini kerana agensi yang menawarkan perkhidmatan kaunseling untuk kumpulan tertentu secara khusus seperti orang tua, kanak-kanak dan remaja memerlukan kelayakan dan latihan tersendiri.


Dalam menjalankan proses penyeliaan, penyelia memainkan peranan berbeza-beza. Ini termasuk peranan sebagai pentadbir, penyelia klinikal dan sebagai terapis. Setiap peranan ini berbeza dari segi motivasi dan matlamatnya. Oleh itu penyelia perlu mengimbangi fungsi dan tugasnya secara bijaksana. Di samping itu penyelia tidak dapat lari daripada situasi politik dalam organisasi yang sentiasa wujud dalam konteks untuk mengekalkan jawatan dan kedudukan masing-masing. Bagi kaunselor pelatih, elemen-elemen ini menjadi suatu cabaran yang besar dalam usaha menjadi seorang pelatih yang cemerlang.

Dalam melaksanakan proses penyeliaan, perhubungan penyelia dan yang diselia harus bersandarkan kepada aspek etika yang piawai dalam kaunseling. Sehubungan dengan itu, penyelia mesti mengambil kira semua tahap etika dan piawai yang berkait dengan kebertanggungjawaban sebagai penyelia. Standard etika tersebut ialah memastikan pematuhan terhadap semua aspek etika dalam menyampaikan perkhidmatan, memastikan pematuhan etika oleh pelatih dan mereka harus bertindak secara beretika semasa memainkan peranan sebagai penyelia. Antara contoh badan profesional yang menggariskan peraturan dan etika yang standard ialah *Association of Counselor Education and Supervision (ACES)*, *Ethical Standards for Counseling Supervision* dan *American Counseling Association (ACA)*.

Berdasarkan huraian mengenai model SAS seperti di atas dapat dirumuskan bahawa model ini mempunyai beberapa keistimewaan tersendiri. Pertama, ia memperlihatkan suatu proses penyeliaan yang kompleks; justeru ia dapat memahami dan memenuhi keperluan unik yang diselia melalui perundingan antara penyelia dengan yang diselia. Kedua, ia memberi gambaran lengkap tentang cara-cara menjalankan proses penyeliaan melalui fokus yang diberikan terhadap perhubungan penyeliaan antara penyelia dengan

yang diselia. Dengan kelebihan-kelebihan seperti yang dinyatakan, maka model SAS dikatakan telah banyak mempengaruhi amalan penyeliaan kaunseling (Othman, 2008).

Komponen yang terdapat pada model SAS didapati ada keselarasan dengan objektif kajian penyelidikan. Dalam kajian ini, penyelidik meneroka proses penyeliaan dan memahami amalan-amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR. Berdasarkan ciri-ciri proses dan amalan-amalan yang berlaku dalam proses penyeliaan tersebut penyelidik memaparkan matriks ciri-ciri pernyataan penyeliaan praktikum GBKSR. Pernyataan ini mengandungi fasa-fasa dalam proses penyeliaan, kandungan atau fokus penyeliaan, kaedah-kaedah penyeliaan dan amalan-amalan yang dipraktikkan oleh penyelia praktikum GBKSR. Berdasarkan kesesuaian antara kandungan dalam model SAS dengan tujuan kajian yang dijalankan maka penyelidik memutuskan untuk menggunakan kerangka teoretikal yang disesuaikan dari model SAS seperti yang diterangkan di atas sebagai panduan kajian. Kerangka teoretikal kajian seperti dalam Rajah 1.2.



Rajah 1.2. Kerangka teoretikal kajian. Adaptasi daripada model penyeliaan Holloway 1995

1.5 Tujuan Kajian

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk meneroka dan memahami proses dan bentuk-bentuk amalan yang dipraktikkan oleh pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memaparkan matriks penyeliaan praktikum GBKSR.

1.6 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- (1) Meneroka proses penyeliaan praktikum GBKSR.
- (2) Memahami bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR.
- (3) Memaparkan matriks penyeliaan praktikum GBKSR.

1.7 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan kajian yang dibentangkan dan tujuan kajian yang dinyatakan, adalah menjadi perkara utama dalam kajian ini untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- (1) Bagaimanakah proses pelaksanaan penyeliaan praktikum GBKSR?
- (2) Apakah bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menjalankan penyeliaan praktikum GBKSR?
- (3) Bagaimanakah bentuk matriks penyeliaan praktikum GBKSR?

1.8 Kepentingan Kajian

Kecekapan dan keberkesanan seseorang penyelia menjalankan aktiviti penyeliaan menyumbang kepada kejayaan visi dan misi BPG untuk melahirkan GBKSR yang kompeten seterusnya membantu merealisasikan matlamat KPM. Pensyarah-penyelia yang berwibawa dan cekap membantu melahirkan GBKSR yang berkeyakinan tinggi seterusnya dapat memberi perkhidmatan yang cemerlang di sekolah. Justeru kajian tentang pelaksanaan proses dan bentuk amalan penyeliaan praktikum GBKSR dan usaha menyediakan satu matriks yang merangkumi ciri-ciri atau elemen terperinci dalam aspek pelaksanaan proses dan amalan penyeliaan melalui hubungan penyeliaan antara pensyarah-penyelia dengan yang diselia dapat memberi suatu gambaran dan panduan umum mengenai selok-belok proses dan amalan penyeliaan praktikum GBKSR. Matriks yang dihasilkan merupakan rumusan kepada amalan penyeliaan terbaik yang diperoleh daripada kajian.

Sehubungan dengan itu, cadangan pernyataan tentang ciri-ciri penyeliaan praktikum GBKSR boleh dijadikan sebagai panduan atau kerangka kerja seseorang pensyarah-penyelia semasa melaksanakan proses penyeliaan praktikum GBKSR. Kajian mengenai proses dan amalan penyeliaan oleh pensyarah-penyelia praktikum GBKSR memberi data dan maklumat berguna bagi mengkonsepsikan tugas dan peranan seseorang pensyarah-penyelia sepanjang tempoh menyelia praktikum GBKSR. Oleh itu dapatan kajian ini boleh membantu pensyarah-penyelia memahami peranannya dengan jelas semasa menjalankan penyeliaan praktikum GBKSR.

Di samping itu dapatan kajian akan membantu pihak-pihak berkenaan seperti pendidik kaunselor dan GBKSR dalam aspek berikut: (1) merealisasikan hasrat KPM dan BPG

untuk melahirkan GBKSR yang kompeten dan berwibawa, (2) menyediakan kerangka kerja yang meliputi proses dan amalan penyeliaan praktikum GBKSR berasaskan aspek sebenar penyeliaan. Sehubungan dengan itu, hasil kajian ini digunakan sebagai garis panduan merangka aktiviti dalam proses dan amalan penyeliaan yang meliputi aspek apa dan bagaimana dalam melakukan sesuatu perkara yang berkaitan, (3) membantu pihak tertentu dalam bidang pendidikan kaunselor melahirkan pensyarah-penyelia yang mempunyai ciri-ciri seperti yang sepatutnya. Ini bagi memastikan proses penyeliaan praktikum GBKSR mencapai matlamat sebenar, dan (4) boleh dijadikan sebagai input dan panduan am dalam latihan peningkatan profesionalisme penyeliaan dalam kalangan pensyarah-penyelia praktikum di IPG.

Hasil kajian ini dapat memberi gambaran menyeluruh mengenai proses dan amalan penyeliaan praktikum GBKSR. Ini kerana sehingga kini belum ditemui kajian tentang proses dan amalan penyeliaan praktikum GBKSR sama ada di dalam atau luar negara. Seterusnya, dapatan kajian boleh dijadikan panduan am pensyarah-penyelia praktikum bagi GBKSR.

Akhir sekali, aspek kajian ini amat perlu untuk diterokai bagi memenuhi ruang kajian bidang penyeliaan praktikum kaunseling di sekolah khususnya GBKSR. Sehubungan itu dapatan kajian boleh menyumbang kepada kefahaman dalam bidang penyeliaan praktikum GBKSR.

1.9 Definisi Operasional

Kajian ini adalah berdasarkan definisi seperti dijelaskan berikut.

1.9.1 Pola penyeliaan

Pola merujuk kepada corak, contoh, model atau susunan. Dalam konteks kajian pola penyeliaan merangkumi corak, contoh, model atau susunan proses dan bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR.

1.9.2 Proses penyeliaan

Proses penyeliaan merujuk kepada kombinasi tugas dan peranan antara pensyarah-penyelia dengan yang diselia dalam melaksanakan kerja bersama dalam menyelesaikan sesuatu masalah dengan menggunakan pendekatan yang khusus. Proses penyeliaan berjalan berasaskan objektif dan strategi yang digunakan untuk mencapai objektif tersebut. Dalam konteks kajian ini, proses penyeliaan praktikum yang dimaksudkan ialah siri aktiviti atau tindakan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR di sekolah-sekolah yang menjadi lokasi praktikum.

1.9.3 Amalan penyeliaan

Amalan penyeliaan ialah suatu perbuatan yang selalu dilaksanakan dan menjadi kelaziman seseorang pensyarah-penyelia. Dalam konteks kajian ini amalan penyeliaan merujuk kepada tingkah laku profesional yang dipamerkan atau dipraktikkan oleh pensyarah-penyelia semasa melaksanakan proses penyeliaan praktikum GBKSR. Amalan ini dipilih berdasarkan kesesuaian aspek yang diselia dan keupayaan ilmu dan kemahiran seseorang pensyarah-penyelia. Amalan ini terjelma sepanjang masa dalam proses pelaksanaan penyeliaan praktikum GBKSR.

1.9.4 Pensyarah-penyelia

Dalam kajian ini pensyarah-penyelia merujuk kepada pensyarah atau tenaga pengajar yang sedang berkhidmat di IPG dan mengajar subjek bimbingan dan kaunseling bagi program KPLI yang pada masa sama menjalankan tugas penyeliaan praktikum bagi subjek bimbingan dan kaunseling KPLI sekolah rendah.

1.9.5 Penyeliaan

Dalam konteks kajian ini penyeliaan merujuk kepada perkhidmatan perundingan yang diberikan oleh pensyarah-penyelia praktikum kepada guru-guru pelatih yang berada di bawah seliaan masing-masing. Penyeliaan berlaku di bilik kaunseling, di kelas dan di bilik-bilik khas yang dikenalpasti sebagai lokasi pelaksanaan perkhidmatan kaunseling di sekolah.

1.9.6 Praktikum

Mengikut Kamus Dewan (1999), praktikum adalah berasal dari perkataan "*practice*" yang bermaksud latihan amalan atau membuat sesuatu secara kerap supaya menjadi lebih mahir. Dalam konteks kajian ini praktikum merujuk kepada latihan yang dilalui oleh kumpulan guru pelatih lepasan ijazah seperti yang disyaratkan oleh BPG. Jangka masa praktikum adalah selama 12 minggu.

1.9.7 Model penyeliaan

Model penyeliaan merujuk kepada cara yang sistematik di mana penyeliaan diaplikasikan (Suradi, 2004).

1.9.8 Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Rendah (GBKSR)

GBKSR merujuk kepada kumpulan guru pelatih yang mengikuti KPLI selama satu tahun di IPG KPM. Mereka adalah pemegang ijazah dalam bidang kaunseling dan psikologi atau bidang lain dari universiti yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia. Mereka mengikuti pengkhususan bimbingan dan kaunseling sebagai mata pelajaran major. Dalam konteks kajian ini GBKSR ialah mereka yang sedang mengikuti praktikum selama 12 minggu di sekolah-sekolah rendah terpilih. Penggunaan istilah GBKSR kadang-kadang diselang seli dengan kaunselor yang membawa maksud yang sama.

1.9.9 Lokasi sekolah

Terdapat dua jenis lokasi sekolah dalam kajian ini, iaitu bandar dan luar bandar. Takrif kawasan bandar dan luar bandar diterima pakai selepas penyelidik membuat rujukan kepada jabatan pelajaran negeri yang berkenaan.

1.9.10 Borang PR1/BK

Borang PR1/BK adalah borang bimbingan praktikum yang digunakan oleh pensyarah-penyelia untuk memberi gred prestasi guru-guru pelatih mereka. Borang PR1/BK diisi pada bahagian akhir setiap sesi penyeliaan. Ini bermakna setiap guru pelatih menerima

tiga borang PR1/BK. Setiap borang mengandungi lima tahap pencapaian iaitu tahap 1 hingga 5. Huraian bagi setiap tahap seperti berikut:

Tahap 1: Terdapat banyak kelemahan yang perlu diberi perhatian

Tahap 2: Terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian

Tahap 3: Pencapaian sederhana, masih perlu peningkatan

Tahap 4: Baik dalam kebanyakan aspek

Tahap 5: Amat baik, cemerlang dalam banyak aspek

1.9.11 Borang PR2/BK

Borang PR2/BK merujuk kepada borang penilaian yang digunakan oleh pensyarah-penyelia. Ia digunakan untuk memberi markah akhir bagi setiap guru pelatih yang diselia. Markah yang diisi dalam borang ini ialah hasil perbincangan bersama dengan guru pembimbing di sekolah. Borang ini mengandungi lima tahap pencapaian iaitu tahap 1 hingga 5. Huraian bagi setiap tahap seperti berikut:

Tahap 1: Terdapat banyak kelemahan.

Tahap 2: Terdapat beberapa kelemahan.

Tahap 3: Pencapaian sederhana.

Tahap 4: Baik dalam banyak aspek.

Tahap 5: Amat baik, cemerlang dalam banyak aspek.

1.10 Batasan Kajian

Skop kajian ini berfokus kepada proses dan amalan penyeliaan praktikum GBKSR. Pelatih adalah guru pra-perkhidmatan yang mengikuti latihan perguruan bagi program KPLI anjuran BPG. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang terhad kepada partisipan kajian dan tempat kajian di kawasan terlibat sahaja. Kajian juga terbatas kepada pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen mengenai proses dan amalan pensyarah-penyelia semasa menjalankan penyeliaan praktikum GBKSR.

Oleh kerana pendekatan kajian adalah bersifat kualitatif, dapatan tidak dapat digeneralisasikan kepada proses dan bentuk amalan penyeliaan praktikum GBKSR seluruh negara. Namun begitu, penyelidik meneroka dan memahami proses dan bentuk amalan penyeliaan praktikum dalam kalangan pensyarah-penyelia yang berpengalaman lima tahun dan ke atas agar dapat dijadikan panduan kepada pensyarah-penyelia lain.

Partisipan kajian primer adalah tujuh orang pensyarah-penyelia yang mempunyai pengalaman bertugas sebagai pensyarah-penyelia di IPG selama lima tahun dan ke atas. Manakala partisipan sekunder adalah guru pelatih. Pemilihan pensyarah-penyelia atas cadangan ketua jabatan di IPG berkenaan. Ini bagi memastikan partisipan kajian terdiri daripada mereka yang memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan. Hal ini penting bagi memastikan data yang diperoleh adalah daripada sumber yang sah dan layak dijadikan sebagai partisipan kajian yang seterusnya membantu menjawab soalan kajian yang digariskan dengan sempurna.

1.11 Rumusan

Bab satu memaparkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, tujuan dan objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian. Bab seterusnya ialah sorotan kajian berhubung dengan kefahaman tentang penyeliaan, model-model penyeliaan dan kajian-kajian yang berkaitan dengan penyeliaan praktikum kaunseling.